

PROMOSI HLB CONNECT LAKUKAN TRANSAKSI & MENANG PERCUTIAN IMPIAN ANDA

[\(English Version\)](#)

Kemas Kini Terakhir 26 Jun 2025

TEMPOH PROMOSI

"Promosi HLB Connect Lakukan Transaksi & Menang Percutian Impian Anda" ("**Promosi**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") ("selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 1 Julai 2025 dan berakhir pada 31 Ogos 2025 ("**Tempoh Promosi**"), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu yang merupakan pengguna HLB Connect baharu dan sedia ("**HLB Connect**") dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB ("**CASA/CASA-i**") dan/atau Kad Kredit HLB ("**Kad Kredit**") (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan**").
2. Pihak Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
 - (i) pernah melakukan, atau pada masa ini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan
 - (ii) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASAI dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect ("**Terma dan Syarat yang Terpakai**") pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
 - (a) mendaftar untuk HLB Connect, melakukan transaksi yang layak ("**Transaksi yang Layak**") dan memperoleh mata ("**Mata Connect**") seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 1](#) di bawah (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect baharu); ATAU
 - (b) log masuk HLB Connect, melakukan Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 1](#) di bawah dan memperoleh Mata Connect (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect yang sedia ada).

(Pelanggan yang telah memenuhi SEMUA syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**").

4. Pelanggan yang Layak yang menepati syarat yang dinyatakan di bawah Klausa 3 di atas akan memperoleh Mata Connect sepanjang Tempoh Promosi yang ditunjukkan di [Jadual 1](#) di bawah dan berpeluang memenangi baucar percutian ("**Baucar Percutian**"), elaun percutian ("**Elaun Percutian**") dan wang tunai ("**Wang Tunai**") ("**Hadiah**").

Jadual 1: Peruntukan Mata Connect

Transaksi yang Layak	Mata Connect bagi setiap Transaksi yang Layak yang berjaya	Maksimum Mata Connect Harian	Maksimum Mata Connect yang boleh diperolehi sepanjang Tempoh Promosi
Mendaftar untuk HLB Connect Mata akan diberikan kepada pendaftaran yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi.	100	100	100
Membuat pembayaran dengan FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets (minimum RM10 setiap pembayaran) menggunakan dana daripada CASA/CASA-i atau Kad Kredit melalui HLB Connect Online	15	150	9,300
Membuat Pembayaran Bil (minimum RM10 setiap pembayaran) menggunakan dana daripada CASA/CASA-i atau Kad Kredit melalui HLB Connect	10	100	6,200
Membuat Pembayaran DuitNow QR ("POS QR") kepada mana-mana peniaga tempatan (minimum RM10 setiap pembayaran) menggunakan dana daripada CASA/CASA-i melalui HLB Connect App dan	15	150	9,300
Membuat Pemindahan ke Luar Negara (minimum RM1,000 setiap pindahan) melalui HLB Connect Online	15	60	3,720
Membuat Tambah Nilai Prabayar (minimum RM10 setiap tambah nilai) melalui HLB Connect	10	30	1,860
Membuat QR Rentas Sempadan kepada peniaga asing (minimum RM50 setiap	10	30	1,860

pembayaran) melalui HLB Connect App			
Membuat Pembayaran DuitNow QR ("P2P QR") kepada keluarga dan rakan-rakan (minimum RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App	5	50	3,100
Membuat Pindahan DuitNow (minimum RM10 setiap pindahan) ke Nombor Mudah Alih/Kad Pengenalan/Pasport/Pendaftaran Perniagaan melalui HLB Connect	1	10	620
Melabur dana ASNB baharu atau tambah nilai dana sedia ada (minimum RM100 setiap pelaburan) melalui HLB Connect Online <i>Akaun ASNB tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Akaun ASNB.</i>	20	100	6,200

HALAMAN PENJEJAK MATA CONNECT (TERSEDIA MULAI DARIPADA 7 JULAI 2025)

- Pelanggan yang Layak yang berjaya melakukan sebarang Transaksi yang Layak yang disenaraikan di [Jadual 1](#) di atas dalam Tempoh Promosi boleh melihat Mata Connect mereka pada Halaman Penjejak Mata Connect. Halaman Penjejak Mata Connect boleh diakses dengan melog masuk ke HLB Connect Online atau HLB Connect App dan klik pada sepanduk Penjejak Mata Connect dalam HLB Connect App dan butang Penjejak Mata Connect dalam HLB Connect Online.
- Transaksi yang tidak berjaya atau tidak lengkap (disebabkan oleh tamat masa sistem) di mana Pelanggan yang Layak melakukan Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 1](#) di atas tetapi tidak melengkapkan transaksi, tidak akan layak mendapat sebarang Mata Connect.
- Untuk Transaksi yang Layak di mana status transaksi tidak tersedia serta-merta, Mata Connect akan ditambah ke hari di mana Transaksi yang Layak dilakukan setelah Transaksi yang Layak tersebut telah berjaya.
- Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada Mata Connect, Mata Connect yang dikira oleh Bank selepas tamatnya Promosi ini akan dianggap tepat dan muktamad.

PEMILIHAN PEMENANG – CABUTAN HADIAH

9. Pelanggan yang Layak akan layak untuk mendapatkan satu penyertaan ("**Penyertaan**") untuk disenarai pendek ke dalam cabutan hadiah ("**Cabutan Hadiah**") berdasarkan Mata Connect yang terkumpul dan akan berpeluang dipilih sebagai pemenang Hadiah.

Jadual 2: Cabutan Hadiah

Hadiah	Jumlah Mata Connect yang diperlukan untuk satu (1) Penyertaan di dalam Cabutan Hadiah	Jumlah pemenang yang akan dipilih melalui Cabutan
<u>Hadiah Utama:</u> Baucar Percutian bernilai RM25,000 yang dikeluarkan oleh Holiday Tours & Travel Sdn Bhd (197501001345 (23070-H)) (" Holiday Tours & Travel ") dan Elaun Percutian bernilai RM5,000.	1,500	2
<u>Hadiah Kedua:</u> Baucar Percutian bernilai RM15,000 yang dikeluarkan oleh Holiday Tours & Travel dan Elaun Percutian bernilai RM2,500.	1,000	2
<u>Hadiah Ketiga:</u> Baucar Percutian bernilai RM10,000 yang dikeluarkan oleh Holiday Tours & Travel dan Elaun Percutian bernilai RM1,000.	800	2
<u>Hadiah Saguhati:</u> Wang Tunai bernilai RM100.	500	2,000

10. Lebih banyak Mata Connect yang dikumpulkan oleh Pelanggan yang Layak seperti yang dinyatakan di [Jadual 1](#) di atas, lebih banyak Penyertaan yang akan diperoleh oleh Pelanggan yang Layak dan lebih berpeluang untuk dicabut sebagai Pemenang Hadiah seperti yang dinyatakan di dalam [Jadual 2](#) di atas.

Untuk tujuan ilustrasi, sila lihat **Senario 1** di bawah:

Senario 1

- Pelanggan yang Layak melakukan Transaksi yang Layak berikut ketika Tempoh Promosi.
- Jumlah Mata Connect dan Penyertaan diperoleh ketika Tempoh Promosi.

Transaksi yang Layak yang dipenuhi	Jumlah Mata Connect yang diperoleh
Mendaftar untuk HLB Connect	100
Membayar dengan FPX dalam masa berlainan sebanyak 30 kali	450
Membuat pembayaran bil dalam masa berlainan sebanyak 10 kali	100
Melakukan 3 pindahan melalui Overseas Transfer	45
Melakukan tambah nilai prabayar sebanyak 5 kali pada masa berlainan	50
Membuat tambah nilai ke dana ASNB	20
Membuat pembayaran QR Pay sebanyak 50 kali kepada peniaga pada masa berlainan	750
Jumlah Mata Connect terkumpul	1,965

Pelanggan yang Layak telah mengumpulkan Mata Connect sejumlah 1,965 dan layak mendapat cabutan seperti jadual di bawah:

Hadiah	Jumlah Mata Connect yang diperlukan untuk satu (1) Penyertaan di dalam Cabutan Hadiah	Jumlah Cabutan yang layak daripada Pelanggan yang Layak
<u>Hadiah Utama:</u> Baucar Percutian bernilai RM25,000 yang dikeluarkan oleh Holiday Tours & Travel Sdn Bhd (197501001345 (23070-H)) (" Holiday Tours & Travel ") dan Elaun Percutian bernilai RM5,000.	1,500	1
<u>Hadiah Kedua:</u> Baucar Percutian bernilai RM15,000 yang dikeluarkan oleh Holiday Tours & Travel dan Elaun Percutian bernilai RM2,500.	1,000	1
<u>Hadiah Ketiga:</u> Baucar Percutian bernilai RM10,000 yang dikeluarkan oleh Holiday Tours & Travel dan Elaun Percutian bernilai RM1,000.	800	2
<u>Hadiah Saguhati:</u> Wang Tunai bernilai RM100.	500	3

Secara kesimpulannya, Pelanggan yang Layak akan menerima satu (1) Penyertaan ke dalam cabutan untuk Hadiah Utama, satu (1) Penyertaan ke dalam cabutan untuk Hadiah Kedua, dua

(2) Penyertaan ke dalam cabutan untuk Hadiah Ketiga, dan tiga (3) penyertaan ke dalam cabutan untuk Hadiah Saguhati seperti yang ditunjukkan pada Senario 1 di atas.

11. Proses Cabutan Hadiah adalah seperti berikut:

- (i) Dua (2) Pelanggan yang Layak akan dicabut untuk cabutan **Hadiah Utama ("Pemenang Hadiah Utama")** dan akan **dihubungi oleh pihak Bank untuk menjawab satu soalan** antara **20 dan 23 Oktober 2025** sebelum dipilih menjadi Pemenang Hadiah Utama. Selepas Pemenang Hadiah Utama dipilih, mereka akan dikecualikan daripada Cabutan Hadiah seterusnya untuk cabutan Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga dan Hadiah Saguhati.
- (ii) Dua (2) Pelanggan yang Layak akan dicabut untuk cabutan **Hadiah Kedua ("Pemenang Hadiah Kedua")** dan akan **dihubungi oleh pihak Bank untuk menjawab satu soalan** antara **28 dan 31 Oktober 2025** sebelum dipilih menjadi Pemenang Hadiah Kedua. Selepas Pemenang Hadiah Kedua dipilih, mereka akan dikecualikan daripada Cabutan Hadiah seterusnya untuk cabutan Hadiah Ketiga dan Hadiah Saguhati.
- (iii) Dua (2) Pelanggan yang Layak akan dicabut untuk cabutan **Hadiah Ketiga ("Pemenang Hadiah Ketiga")** dan akan **dihubungi oleh pihak Bank untuk menjawab satu soalan** antara **7 dan 10 November 2025** sebelum dipilih menjadi Pemenang Hadiah Ketiga. Selepas Pemenang Hadiah Ketiga dipilih, mereka akan dikecualikan daripada Cabutan Hadiah seterusnya untuk cabutan Hadiah Saguhati.
- (iv) Dua Ribu (2,000) Pelanggan yang Layak akan dicabut untuk **Hadiah Saguhati ("Pemenang Hadiah Saguhati")** dan akan dipilih sebagai pemenang Wang Tunai.

12. Untuk **Pemenang Utama, Pemenang Kedua dan Pemenang Ketiga** yang disenarai pendek, pihak Bank akan membuat panggilan telefon **sebanyak tiga (3) percubaan semasa waktu bekerja mulai 9:00 a.m. – 6:00 p.m dalam masa dua (2) hari bekerja** untuk menghubungi para Pemenang yang disenarai pendek berdasarkan nombor mudah alih terkini yang dirakamkan dalam sistem Bank. Selepas itu, Bank akan membuat percubaan terakhir dengan menghantar pemberitahuan tolak HLB Connect App ("**Pemberitahuan Aplikasi**"), kepada pemenang yang disenarai pendek.

Sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemenang Utama, Pemenang Kedua dan Pemenang Ketiga yang disenarai pendek (termasuk tetapi tidak terhad kepada, tiada balasan kepada pemberitahuan tolak, storan peti masuk yang tidak mencukupi untuk menerima e-mel, dan sebagainya), pemenang yang disenarai pendek akan dibatalkan secara automatik dan pihak Bank akan meneruskan untuk menghubungi pemenang yang disenarai pendek seterusnya.

13. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, tiada Hadiah akan diberikan sekira Pelanggan yang Layak gagal memberi maklum balas dan/atau menjawab soalan dengan betul untuk Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga.

14. Kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja HLB/HLISB (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya) **TIDAK** layak untuk memenangi Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga.

15. Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Promosi.

PENGUMUMAN PEMENANG

16. Senarai Pemenang Hadiah akan disiarkan di www.hlb.com.my/hlbconnect2025 ("**Laman Web Promosi**") dan akan dihubungi oleh Bank melalui pemberitahuan tolak HLB Connect App selewat-lewatnya **1 Disember 2025**. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang Hadiah Utama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga dan Hadiah Saguhati untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melayari Laman Web Promosi pada tarikh yang ditetapkan.
17. Pemenang Hadiah Utama, Kedua, Ketiga dan Saguhati ("**Pemenang**") akan menerima Baucar Percutian yang dikeluarkan oleh Holiday Tours & Travel, Elaun Percutian atau Wang Tunai selewat-lewatnya **31 Januari 2026**.
18. Terma dan Syarat untuk Pemenang **Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga** adalah seperti berikut:
- (i) Adalah menjadi tanggungjawab bagi Pemenang Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga untuk membuat tuntutan, tempahan dan/atau pengaturan bagi servis berkaitan percutian daripada Holiday Tours & Travel. Untuk sebarang keraguan, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan/atau yuran yang berkaitan dengannya, dan sebarang kos dan/atau yuran berkenaan dengannya akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang dan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Holiday Tours & Travel:
 - (a) Baucar Percutian boleh digunakan untuk menebus hotel (dalam negara/luar negara), tiket penerbangan, perkhidmatan transit lapangan terbang, pelayaran, pakej Trafalgar, Club Med atau mana-mana servis daripada Holiday Tours & Travel;
 - (b) Baucar Percutian tidak boleh ditukar atau dituntut dalam bentuk tunai, kredit, cek atau dalam apa-apa bentuk lain;
 - (c) Pemenang akan menuntut Baucar Percutian daripada Holiday Tours & Travel sahaja dan pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk membayar semula kepada Pemenang bagi sebarang kos yang ditanggung hasil daripada penebusan Baucar Percutian selaras Klausula 18(i)(c);
 - (d) Penebusan adalah terhad kepada satu (1) kali sahaja, penebusan berkala berulang tidak dibenarkan;
 - (e) Sebarang servis berkenaan percutian atau kos tambahan yang melebihi nilai Baucar Percutian hendaklah ditanggung oleh Pemenang semasa membuat tempahan. Namun, jika nilai penebusan adalah kurang dari nilai Baucar Percutian, tiada bayaran balik akan diproses;
 - (f) Baucar Percutian hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh dikeluarkan, dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang gagal menebus Baucar Percutian dalam tempoh yang ditetapkan;
 - (g) Penebusan Baucar Percutian tidak sah semasa pengajuran Malaysian Association of Tour dan Travel Agents Fair atau sepanjang tempoh promosi;

- (h) Pemenang mesti mengemukakan dokumen pengenalan diri (NRIC/Passport) dan Baucar Percutian asal semasa penebusan daripada Holiday Tours & Travel;
 - (i) Baucar Percutian adalah tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk di dalam penerbangan, penginapan hotel, dan pengaturan perjalanan darat seperti yang ditentukan oleh Holiday Tours & Travel pada waktu penebusan. Sebarang kos tambahan yang dipilih melebihi nilai Baucar Percutian hendaklah ditanggung oleh Pemenang, dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan/atau bayaran yang berkaitan dengannya.
 - (j) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pihak Bank tidak membuat sebarang representasi atau jaminan berkenaan kualiti atau kesesuaian Baucar Percutian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahan dan/atau penggunaannya) dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Baucar Percutian yang hilang, dicuri atau rosak.
 - (k) Pemenang hendaklah berurusan terus dengan Holiday Tours & Travel untuk sebarang pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan dengan Baucar Percutian tanpa melibatkan pihak Bank. Segala risiko, kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkaitan dengan penggunaan Baucar Percutian hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
 - (l) Baucar Percutian sah untuk digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada Baucar Percutian tersebut. Jika Baucar Percutian tidak digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada Baucar Percutian tersebut, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk melanjutkan tempoh sah atau menggantikan Baucar Percutian tersebut. Selain itu, pihak Bank tidak akan memberikan bayaran balik atau pampasan bagi bahagian Baucar Percutian yang tidak digunakan sekiranya Pemenang gagal untuk menggunakannya sepenuhnya.
19. Elaun Percutian (termasuk dalam Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga) dan Hadiah Saguhati akan dikreditkan ke dalam akaun CASA/CASA-i pemenang dengan Bank selewat-lewatnya **31 Januari 2026**. Oleh itu, pemenang mesti mengekalkan akaun CASA/CASA-i yang aktif dan sah sehingga pengkreditan Elaun Percutian dan Hadiah Saguhati berjaya dilakukan. Sekiranya gagal, Elaun Percutian dan Hadiah Saguhati akan dibatalkan.
20. Menjadi tanggungjawab para Pemenang untuk menghubungi pihak Bank mengenai ketidakterimaan hadiah **sebelum 13 Februari 2026**. Jika gagal, pemenang akan dianggap telah menerima hadiah tersebut dan sebarang tuntutan **selepas 13 Februari 2026** tidak akan diproses.
21. Semua Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.
22. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.

23. Pihak Bank berhak untuk menggantikan Hadiah (iaitu Baucar Percutian) dengan mana-mana item atau pulangan tunai lain yang mempunyai nilai setara mengikut budi bicara pihak Bank dengan notis terlebih dahulu.
24. Semua Hadiah akan disediakan secara "Seperti Seadanya". Hadiah yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah.

AM

25. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
 - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
 - (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah dan pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan;
 - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
 - (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon dan alamat rumah/tempat kerja kepada syarikat kurier yang dilantik oleh Bank bagi pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah-hadiah untuk Promosi ini, dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS atau e-mel bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
 - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih, alamat e-mel dan alamat rumah/tempat kerja dan secara segera memaklumkan pihak Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya pihak Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, atau SMS dan/atau e-mel tidak sampai, jika berkenaan, disebabkan oleh nombor mudah alih, alamat e-mel dan/atau alamat rumah/tempat kerja yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak tidak tepat/tidak sah atau SMS, e-mel dan/atau pemenuhan/penghantaran Baucar Percutian tidak dapat disampaikan atas apa juga sebab;
 - (vi) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) para Pemenang bagi tujuan pengumuman Pemenang tanpa bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
 - (vii) bersetuju untuk menyemak Laman Web Promosi dengan kerap untuk melihat T&S kepada Promosi dan untuk terus mengikuti perubahan atau variasi kepada T&S;
 - (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan telefon mudah alih/penyedia perkhidmatan

rangkaian internet yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya berlaku seperti:

- (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau;
- (b) sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak.

(selepas ini dirujuk sebagai “**Kegagalan Rangkaian**”).

Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel dari Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan diproses;

- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
- (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

26. Pihak Bank berhak:

- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;
- (ii) membatalkan Hadiah yang diperoleh sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
- (iii) untuk menarik balik Hadiah sekiranya terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.

27. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.

28. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.

29. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

30. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit ([rujuk Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

Produk CASA-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.